



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

# PELAN STRATEGIK T.E.R.A.S

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

2021-2025



# **PELAN STRATEGIK T.E.R.A.S**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## **2021-2025**

Hak cipta terpelihara 2021. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pemilik hak cipta.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**PUSAT STRATEGI**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh:

**UKM CETAK**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

ISBN 978-967-25523-0-7



# **PELAN STRATEGIK T.E.R.A.S**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**2021-2025**

# **Jawatankuasa Induk & Pembangunan T.E.R.A.S**

## **Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM 2021-2025**

Mohd Ekhwan Toriman  
Mohammad Kassim  
Norazah Mohd Nordin  
Wan Kamal Mujani  
Hanafiah Harunarashid  
Razman Jarmin  
Muhammad Hussin  
Roslee Rajikan  
Syed Kamarudin Hj. Sadak

Mohd Rizal Palil  
Mohd. Azlan Shah Zaidi  
Wan Zawiah Wan Zin  
Azmul Fahimi Kamaruzaman

**Urus Setia**  
Zanudin Mohd Daud  
Rohana Tan  
Nor Saribon Ramli  
Nurul Safaniza Che Ani  
Nurul Amalina Abdul Rahman

**Penyunting**  
Wan Kamal Mujani  
Mohd Rizal Palil  
Mohd. Azlan Shah Zaidi  
Wan Zawiah Wan Zin  
Azmul Fahimi Kamaruzaman

**Pereka Grafik**  
Barudin Baharin

# KANDUNGAN

<b>I PERUTUSAN</b>	1
• Menteri Pengajian Tinggi dan Naib Canselor UKM	
<b>I PENGENALAN</b>	4
<b>I T.E.R.A.S UKM</b>	7
<b>II BITARA 1 : WATAN</b>	11
<b>II BITARA 2 : i-MINDA</b>	18
<b>II BITARA 3 : HOLISTIK</b>	27
<b>II BITARA 4 : DIGITAL</b>	34
<b>II BITARA 5 : PRIHATIN</b>	41
<b>III AGENDA UTAMA UKM</b>	48
<b>IV BIBLIOGRAFI, PENGHARGAAN &amp; SINGKATAN</b>	52

## PERUTUSAN

“Saya ingin mengajak warga KPT sekalian untuk sederap melangkah ke hadapan berpandukan kepada enam fokus strategik KPT iaitu Memperkasakan Agenda Pendigitalan Pendidikan; Memantapkan Jaringan Kolaborasi Strategik; Memperkuuh Kebolehpasaran Graduan; Memacu Kesejahteraan Komuniti; Mempersada Kecemerlangan Institusi; dan Menyemarakkan Semangat #KPTPrihatin.”

*Sumber: Majlis Amanat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Tahun 2021*



**YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad**  
**Menteri Pengajian Tinggi**



**YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan  
Hj. Toriman  
Naib Canselor UKM**

“Lembayung T.E.R.A.S dan Bitara inilah yang sewajarnya menjadi nadi dan nafas untuk universiti bergerak ke hadapan dan melangkah jauh. Ia juga perlu difahami dan dihayati serta diterapkan dalam aspek pengembangan akademik, kecemerlangan penyelidikan, pembangunan pelajar dan pemerkasaan jaringan antarabangsa serta khidmat komuniti. Nilai T.E.R.A.S dan Bitara adalah selari dengan aspirasi dan agenda negara.”

*Sumber: Buku T.E.R.A.S Naratif Baharu UKM  
Universiti Watan Kita : Bicara Perdana  
Naib Canselor UKM*



### **Moto**

Mengilham harapan, mencipta masa depan

### **Falsafah**

Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti.

### **Visi**

UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia.

### **Misi**

Menjadi Universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

### **Nilai T.E.R.A.S**

Bakat, Etika, Memperkasa, Tangkas dan Jiwa



## NILAI T.E.R.A.S UKM

- T** Warga UKM sentiasa mencungkil, menggilap, memantap dan mengembangkan potensi diri ke arah kecemerlangan.
- E** Warga UKM sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan berdasarkan keimanan dan moral.
- R** Warga UKM sentiasa memperkasa dan mengukuhkan fungsi, peranan, tanggungjawab, kemahiran dan jaringan dalam usaha menjadi hebat serta unggul dalam sesuatu tugas atau bidang.
- A** Warga UKM sentiasa mempunyai keupayaan untuk terhadapan dan sentiasa bersiap siaga dalam melaksanakan tugas dengan cepat, cergas dan pantas disertai dengan semangat yang tinggi.
- S** Warga UKM sentiasa mempunyai jati diri kebangsaan, bersemangat dan berlitzam untuk membangunkan universiti, masyarakat dan negara.

*Universiti Watan Kita*

# PENGENALAN



Sejak UKM ditubuhkan pada tahun 1970, perubahan landskap pendidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah banyak mencorak perkembangan UKM. Perubahan sosioekonomi, globalisasi dan keperluan pihak berkepentingan serta cabaran era Revolusi Industri ke-4 (4IR) dan kesan pandemik COVID-19, menuntut UKM melihat kembali hala tuju serta mengolah strategi yang sesuai untuk terus menjadi universiti yang relevan dan terkehadapan.

UKM peka dan sentiasa mengikuti perubahan serta perkembangan semasa, dan menjangkakan perubahan yang akan berlaku pada masa akan datang. Tindakan awal perlu direncanakan untuk menjadikan UKM sebagai pilihan utama masyarakat tempatan dan global. Aspek inilah yang dituntut dalam penubuhan UKM yang bertekad menjadi universiti terkehadapan dengan menjadikan T.E.R.A.S dan Bitara sebagai budaya dalam kalangan warganya. Bagi mencapai visi ini, warga UKM perlu melangkah sederap ke hadapan, seja dan sekata.

UKM perlu mengimbau kembali sejarah penubuhannya agar strategi yang direncanakan tidak tersasar daripada matlamat asal. UKM ditubuhkan atas hasrat dan kehendak rakyat yang mahukan sebuah universiti “kebangsaan” diwujudkan di negara ini. Oleh itu, warga UKM hendaklah sentiasa memastikan semangat kebangsaan dan hasrat rakyat terus dihayati dan diperjuangkan.

Pernyataan Visi UKM menyatakan bahawa UKM bertekad menjadi universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhhlak mulia. Pernyataan Misi UKM pula menyatakan bahawa UKM menjadi universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan. Visi dan Misi ini memberi panduan kepada warga UKM untuk menentukan hala tuju, menyusun keutamaan, merangka strategi dan menilai keberkesanan dalam semua aspek kemajuan UKM.

Hasrat UKM untuk menjadi sebuah universiti yang “Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan” perlu diterjemahkan melalui tindakan yang jelas untuk menghasilkan impak bermakna. Bersesuaian dengan hasrat ini, UKM telah merangka dan menyusun Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM 2021-2025.



Jika diimbau sejarah, UKM sentiasa melakukan perubahan dan penambahbaikan dalam menetapkan pelan strategik dan hala tujunya dengan merujuk kepada perubahan kepimpinan dan kesesuaian masa serta zamannya. Hal ini kerana, untuk menjadikan UKM sentiasa terkehadapan dan mendahului langkah masyarakat dan zamannya, maka pelan strategik perlu disemak dari semasa ke semasa. Pada tahun 2000, Pelan Strategik UKM 2000-2020 telah digubal dengan mengambil kira lanskap setempat dan global serta pelbagai tuntutan dan realiti alaf baharu. Semakan pertama Pelan Strategik UKM tersebut telah dilakukan pada tahun 2006 dengan memberi tumpuan terhadap petunjuk prestasi bagi mencapai hasrat UKM menjadi Universiti Penyelidikan seperti yang telah termaktub dalam Pelan Strategik Perspektif 2006-2010.

Pada tahun 2009, Pelan Transformasi UKM dilancarkan apabila UKM diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan di Malaysia. Selari dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10 yang mengambil pendekatan berdasarkan keberhasilan utama, UKM telah melihat kembali dan mengolah strategi yang telah digubal sebelum ini dalam konteks bidang keberhasilan utama bagi UKM.

Semasa sambutan penubuhan UKM pada tahun 2014, enam (6) Bidang Keberhasilan Strategik (KRA) UKM telah diumumkan secara rasmi. Tiga (3) KRA yang pertama merupakan keberhasilan yang memberikan impak dan manfaat kepada pihak berkepentingan seperti pelajar, sarjana luar, masyarakat, industri dan kerajaan. KRA seterusnya berkaitan dengan kecekapan pengoperasian, penjanaan dan infrastruktur yang menjadi pemangkin untuk menyokong pencapaian sasaran tiga (3) KRA yang pertama.

Pada bulan April 2015, Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang juga dikenali sebagai PPPM (PT) 2015-2025 untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara. Pelan ini adalah hasil kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020 dan kesinambungan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau PPPM 2013-2025 yang merangkumi pendidikan Prasekolah sehingga Pendidikan Lepas Menengah. PPPM (PT) terdiri daripada sepuluh (10) lonjakan yang memberikan penekanan kepada keberhasilan utama bidang pendidikan negara. Empat (4) lonjakan yang pertama ialah keberhasilan berkaitan dengan kualiti graduan, kecemerlangan akademik, pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan pembelajaran sepanjang hayat.

Pelan Strategik UKM 2019-2021 kemudiannya digubal berdasarkan pencapaian semasa UKM dengan mengambil kira sekitaran setempat dan global dengan pelbagai tuntutan serta realiti perubahan masyarakat. Setelah melalui beberapa siri perbincangan, maka Pelan Strategik UKM 2019-2021 dilancarkan. Pelan ini menggariskan lima (5) T.E.R.A.S utama yang menjadi paksi bagi melonjakkan lagi UKM di peringkat tempatan dan antarabangsa iaitu Penyelidikan, Akademik, Antarabangsa, Bakat dan Kewangan.



## T.E.R.A.S UKM



Dengan pelantikan YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman sebagai Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1 Januari 2021, UKM terus diperkasakan dan dimantapkan dengan lima (5) nilai T.E.R.A.S, lima (5) Kebitaraan dan 25 Prakarsa bagi menyokong dua (2) agenda utama universiti. Ia telah dilancarkan oleh Naib Canselor pada 10 Jun 2021 yang menjadi asas kepada Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM 2021-2025. Nilai T.E.R.A.S juga menjadi tonggak kepada iltizam warga UKM ke arah menjayakan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), New Deals KPT, Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025, Fokus 6 Strategik KPT dan Pelan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi (SEJAHTERA IPT).

Lembayung T.E.R.A.S menjelaskan tentang nilai dan prinsip yang menjadi tunjang kepada perancangan serta pelaksanaan tanggungjawab warga UKM. Nilai dan prinsip ini harus ada dalam semua kebitaraan dan prakarsa UKM yang kemudiannya menjadi asas kepada perancangan strategik, pembinaan gerak kerja dan penentuan Indeks Pencapaian Utama atau KPI. Lembayung T.E.R.A.S UKM terdiri daripada lima (5) nilai utama, iaitu Bakat (Talent), Etika (Ethics), Memperkasa (Revitalise), Tangkas (Agile) dan Jiwa (Soul) yang berfungsi sebagai gagasan kepada pembangunan universiti.

Pernyataan **Bakat** menjelaskan tentang hasrat untuk mencungkil, memantapkan dan mengembangkan potensi diri ke arah kecemerlangan. Potensi ini melibatkan corak pemikiran, perasaan atau tingkah laku yang berulang yang dapat diterapkan secara produktif. Bakat tidak dipelajari melainkan sifat semula jadi yang dapat dikembangkan melalui pengetahuan, pengalaman dan kemahiran.

**Etika** menekankan perlaksanaan tanggungjawab dengan kesungguhan dan keikhlasan berasaskan keimanan dan moral. Warga UKM berkewajipan memahami tanggungjawab terhadap peranan dan perilakunya. Etika menjadi pantaukan moral yang melibatkan pemikiran dan pertimbangan secara bebas.

**Memperkasakan** melibatkan pengukuhan fungsi, tanggungjawab, kemahiran dan jaringan dalam usaha untuk memperkembangkan potensi. Ia menjadikan seseorang itu hebat dan unggul dalam sesuatu tugas atau bidang yang diceburi.

**Tangkas** menekankan keupayaan terhadapan dan bersiap siaga dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan. Warga UKM yang tangkas adalah warga yang cepat, cergas dan pantas disertai dengan semangat yang tinggi.

**Jiwa** pula melibatkan warga UKM mempunyai jati diri kebangsaan, bersemangat dan beriltizam untuk membangunkan universiti, masyarakat dan negara. Jiwa bererti benih kehidupan manusia yang meliputi pemikiran, keperibadian dan sinonim dengan roh dan akal.

Pemangkin bagi kelima nilai ini adalah elemen kebitaraan kepada T.E.R.A.S iaitu Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin. Kebitaraan ini akan menjadi asas kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk merangka strategi dan gerak kerja berdasarkan prakarsa yang dirangka. Cakupan di bawah kebitaraan Watan terdiri daripada lima (5) prakarsa iaitu penghayatan Falsafah Universiti, pemerkasaan bahasa Melayu, pemuliharaan Warisan Budaya, pengukuhan Jati Diri dan pemupukan semangat Patriotik. Kebitaraan i-Minda meliputi prakarsa Advokasi, Inovasi, Ekosistem, Nilai dan Mutu dan Translasi. Liputan Holistik pula merangkumi prakarsa Keusahawanan, Kreatif, Kepimpinan, Kerjaya, dan Nilai Murni. Aspek kebitaraan seterusnya iaitu Digital terdiri daripada prakarsa Infra dan Info, Pedagogi dan Ekologi Pembelajaran, Pembudayaan Digital, Kelestarian dan Governans. Kebitaraan terakhir iaitu Prihatin meliputi prakarsa S.I.H.A.T, Perpaduan, Kebajikan, Kemasyarakatan dan Mesra OKU.






T.E.R.A.S dan Kebitaraan merupakan Naratif Baharu yang memaparkan peranan Universiti Watan yang menjadi milik warganya dan masyarakat keseluruhan. Sesungguhnya, lembayung T.E.R.A.S yang baharu ini bertujuan untuk membolehkan warga UKM membuat rujukan dan panduan terhadap hala tuju universiti dalam usaha meningkatkan pencapaian ke tahap tertinggi. Pengertian T.E.R.A.S adalah merangkumi Bakat (Talent), Etika (Ethics), Memperkasa (Revitalise), Tangkas (Agile) dan Jiwa (Soul) dan ia menjadi lembayung yang memayungi lima (5) kebitaraan iaitu Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin.

Di bawah lima (5) kebitaraan inilah terdapat 25 prakarsa yang menjadi asas untuk UKM merangka pelan strategik dan gerak kerja di samping menentukan Indeks Pencapaian Utama. Berdasarkan intipati yang merangkumi nilai T.E.R.A.S dan elemen kebitaraan, terdapat dua (2) agenda atau matlamat utama yang perlu dicapai oleh warga UKM iaitu Kebolehpasaran Graduan dan Penjanaan Pendapatan.

Keunikan dan kekuatan yang terdapat dalam Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM 2021-2025 ialah penekanan kepada aspek kewatanan yang merangkumi elemen pemugaran falsafah universiti, pemerksaan bahasa Melayu, pemampanan jati diri dan semangat patriotisme. Kebitaraan i-Minda menekankan elemen nilai dan mutu yang memperihalkan kualiti perkhidmatan universiti. Sementara itu, prakarsa translasi memperlihatkan sumbangan penyelidikan universiti untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat. Kebitaraan Holistik memfokuskan kreativiti pengukuhan Pembelajaran Boleh-Lentur (FLP) seperti Kurikulum Tersedia Masa Depan (FRC) melalui pedagogi berbentuk futuristik, pembelajaran bersifat holistik dan teknologi terkehadapan. Ini termasuklah menyemarakkan sifat nilai murni warga universiti. Dalam kebitaraan Digital, UKM akan meningkatkan rangkaian jalur lebar berkapasiti tinggi secara konsisten menerusi penyediaan infrastruktur dan infostruktur digital yang berkemampuan meningkatkan kualiti produktiviti warga UKM. Kebitaraan Prihatin pula menunjukkan pengukuhan dan penonjolan elemen seperti S.I.H.A.T (Sustainable Inclusive Healthcare that is Affordable and Trustworthy), Perpaduan, Kebajikan, Kemasyarakatan dan Mesra OKU.

**Penerangan bagi penggunaan warna pada Lembayung T.E.R.A.S adalah seperti berikut:**





**5**

NILAI UKM

**5**

KEBITARAAN

**25**

PRAKARSA

**2**

AGENDA UTAMA

PRIHATIN

DIGITAL

HOLISTIK

i-MINDA

WATAN

1. S.I.H.A.T
2. Perpaduan
3. Kebajikan
4. Kemasyarakatan
5. Mesra OKU

1. Infra dan Info
2. Pedagogi dan Ekologi
3. Pembelajaran
3. Pembudayaan
4. Kelestarian
5. Governans

1. Keusahawanan
2. Kreativiti
3. Kepemimpinan
4. Kerjaya
5. Nilai Murni

1. Advokasi
2. Inovasi
3. Ekosistem
4. Nilai dan Mutu
5. Translasi

1. Falsafah Universiti
2. Bahasa Melayu
3. Warisan Budaya
4. Jati Diri
5. Patriotisme

Penjanaan  
Pendapatan

Kebolehpasaran  
Graduan

**PELAN  
STRATEGIK  
T.E.R.A.S**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**

# Watan



## KEBITARAAN: WATAN

Kebitaraan Watan UKM menekankan lima (5) prakarsa penting iaitu Falsafah Universiti, Bahasa Melayu, Warisan Budaya, Jati Diri dan Patriotisme.

### 1. Falsafah Universiti

### 2. Bahasa Melayu

### 3. Warisan Budaya

### 4. Jati Diri

### 5. Patriotisme

# KEBITARAAN: WATAN

## Prakarsa: Falsafah Universiti

.....

1

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menekankan nilai falsafah universiti sebagai Universiti Watan	Menghayati, memahami dan mengamalkan falsafah UKM menjadi penekanan UKM sebagai Universiti Watan	Bilangan aktiviti/program yang berkaitan sejarah, falsafah, moto, misi dan visi UKM	6	7	8	9	10	Ketua Bitara: TNC (HEP)  Peneraju: ATMA

## KEBITARAAN: WATAN Prakarsa: Bahasa Melayu

2

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang tinggi dan menjadikannya sebagai asas identiti kebangsaan	Memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam penerbitan buku dan makalah jurnal	Bilangan penerbitan buku dalam bahasa Melayu	260	265	270	275	280	Ketua Bitara: TNC (HEP)  Peneraju: CRIM
		Bilangan penerbitan makalah jurnal dalam bahasa Melayu	250	255	260	270	280	
	Menggalakkan penyelidikan mengenai aspek bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan Melayu	Bilangan penyelidikan mengenai aspek bahasa/kebudayaan/kesusasteraan Melayu	6	7	8	9	10	Ketua Bitara: TNC (HEP)  Peneraju: Pusat IDEA UKM

## KEBITARAAN: WATAN Prakarsa: Warisan Budaya

.....

3

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berperanan memartabatkan warisan budaya masyarakat di Malaysia bagi membentuk identiti bangsa dan negara	Melaksanakan agenda warisan budaya	Bilangan aktiviti/program bersifat warisan budaya kebangsaan	3	5	5	7	7	Ketua Bitara: TNC (HEP)  Peneraju: PUSKEB

## KEBITARAAN: WATAN

### Prakarsa: Jati Diri

.....

4

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM memperkasakan jati diri dalam pembinaan bangsa Malaysia yang kental dengan nilai-nilai kemanusiaan	Menyemai dan memperkasa jati diri warga UKM menerusi pelbagai program/aktiviti yang melibatkan pembangunan sahsiah, kesukarelawanan dan identiti kebangsaan	Bilangan aktiviti/program yang berkaitan jati diri pelajar UKM	6	8	10	12	14	Ketua Bitara : TNC (HEP)  Peneraju: HEP-UKM
		Bilangan aktiviti/program dalam program jati diri kakitangan UKM	6	8	10	12	14	Ketua Bitara : TNC (HEP)  Peneraju Utama: Profesional UKM  Peneraju Bersama: Alumni-UKM, PUSKEB, ROSH-UKM, UCTC UKM

## KEBITARAAN: WATAN Prakarsa: Patriotisme

5

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menyuburkan patriotisme dalam membentuk semangat cintakan tanah air secara berterusan	Menerapkan dan memantapkan sifat patriotisme berimpak tinggi dalam kalangan warga UKM melalui aktiviti/program bersifat kenegaraan	Bilangan aktiviti/program yang berkaitan patriotisme berimpak tinggi dalam kalangan pelajar	6	8	10	12	14	Ketua Bitara: TNC (HEP)  Peneraju: HEP-UKM
		Bilangan aktiviti/program yang berkaitan patriotisme dalam kalangan kakitangan	5	8	10	12	15	Ketua Bitara: TNC (HEP)  Peneraju: Pusat Kebudayaan

**PELAN  
STRATEGIK  
T.E.R.A.S**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**

# i-Minda



## KEBITARAAN: i-MINDA

Kebitaraan i-Minda UKM memfokuskan lima (5) prakarsa penting iaitu advokasi, inovasi, ekosistem penyelidikan, nilai dan mutu serta translasi.

### 1. Advokasi

### 2. Inovasi

### 3. Ekosistem Penyelidikan

### 4. Nilai dan Mutu

### 5. Translasi

## KEBITARAAN: i-MINDA

### Prakarsa: Advokasi

1

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menyerlahkan aspek advokasi dalam kalangan warga UKM sehingga diiktiraf, dirujuk dan dihormati di pelbagai peringkat	Menggalak pementoran tokoh-tokoh akademik UKM kepada tenaga akademik muda dalam meningkatkan keilmuan dan keterserahan	Bilangan aktiviti/program pementoran	5	5	10	10	10	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: Pusat IDEA UKM
		Bilangan aktiviti/program pementoran (program pembayangan pemimpin)	1	2	3	4	5	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: Profesional-UKM
	Menggiatkan advokasi kepakaran ahli akademik dalam media arus perdana	Bilangan jemputan ahli akademik dalam media arus perdana	10	10	15	15	15	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: PKK
	Menyerlahkan kepakaran UKM di peringkat kebangsaan dan di persada dunia	Bilangan warga UKM yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	145	150	155	160	165	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: Strategi-UKM
	Memperkasa penyelidik muda	Bilangan penerbitan yang berimpak tinggi (Q1-Q4) dalam kalangan penyelidik muda	833	1,025	1,061	1,097	1,133	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: CRIM

## KEBITARAAN: i-MINDA

### Prakarsa: Inovasi

2

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berperanan membangunkan inovasi melalui usaha mencungkil dan menggilap bakat bagi mendorong ke arah pemantapan dan pengembangan potensi dan kecemerlangan	Mewujudkan produk baharu / Penaiktarafan produk	Bilangan produk baharu	5	7	9	11	13	Ketua Bitara: TNC (P&I)  Peneraju: Inovasi@UKM
		Bilangan produk yang dinaiktaraf	2	3	4	5	6	
	Menjana melalui pengkomersialan produk	Nilai (RM Ribu) pengkomersialan produk	200	220	250	270	300	
	Menyuntik dana dalam penghasilan prototaip	Jumlah (RM Juta) suntikan dana	1	1.5	2	2.5	3	
	Mengkomersialkan produk inovasi	Bilangan produk pengkomersialan	10	12	14	16	18	
	Mewujudkan syarikat pemula	Bilangan syarikat pemula baharu (start-up)	5	10	10	10	10	
	Membudayakan aktiviti inovasi di kampus	Bilangan pendaftaran Harta Intelek baharu	200	220	240	260	280	

# KEBITARAAN: i-MINDA

## Prakarsa: Ekosistem Penyelidikan

3

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menyediakan ekosistem penyelidikan merentas disiplin yang melibatkan rakan industri dan antarabangsa bagi menyemarakkan semangat kerjasama dan daya saing dalam kalangan warganya	Menyokong kbeitaraan UKM - satu kluster penyelidikan - satu bitara (Watan,i-Minda, Holistik, Digital & Prihatin)	Bilangan projek /translasi/program gegar gamat/pengubah keadaan yang merentas disiplin melibatkan keahlian luar institut ke arah output penyelidikan yang terkehadapan	13	13	13	13	13	Ketua Bitara : TNC (P&I)  Peneraju : Pusat IDEA UKM
	Meningkatkan penerbitan berimpak tinggi	Bilangan penerbitan jurnal Q1-Q2	1511	1920	2050	2184	2322	Ketua Bitara : TNC (P&I)  Peneraju : CRIM
	Rangsangan inisiatif penerbitan berimpak tinggi	Jumlah (RM) inisiatif bagi penerbitan Q1/Q2	RM10j	RM10j	RM10j	RM10j	RM10j	Ketua Bitara : TNC (P&I)  Peneraju : CRIM
	Meningkatkan penerbitan berimpak tinggi	Bilangan penerbitan makalah dalam Jurnal Terindeks	3,876	4,800	5,000	5,200	5,400	Ketua Bitara : TNC (P&I)  Peneraju : CRIM
	Meningkatkan penyelidikan rentas disiplin bersama rakan industri	Bilangan penyelidikan rentas disiplin bersama rakan industri	35	35	43	46	50	Ketua Bitara : TNC (P&I)  Peneraju : Pusat IDEA UKM
	Meningkatkan penyelidikan rentas disiplin bersama rakan antarabangsa	Bilangan penyelidikan rentas disiplin bersama rakan antarabangsa	35	35	43	46	50	Ketua Bitara : TNC (P&I)  Peneraju : Pusat IDEA UKM

# KEBITARAAN: i-MINDA

## Prakarsa: Ekosistem Penyelidikan

3

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menyediakan ekosistem penyelidikan merentas disiplin yang melibatkan rakan industri dan antarabangsa bagi menyemarakkan semangat kerjasama dan daya saing dalam kalangan warganya	Meningkatkan bilangan Profesor Tersohor	Bilangan Profesor Tersohor	32	34	36	38	40	Ketua Bitara : TNC (P&I) Peneraju: Jabatan Pendaftar (BSM)
	Pemerksaan Profesor Adjung atau Pelawat Antarabangsa	Bilangan Profesor Adjung atau Pelawat Antarabangsa	34	34	35	38	40	Ketua Bitara : TNC (P&I) Peneraju : Jabatan Pendaftar (BSM)
	Meningkatkan jaringan strategik dengan rakan strategik tersohor	Bilangan jaringan strategik dengan rakan strategik tersohor	150	160	170	185	200	Ketua Bitara : TNC (P&I) Peneraju : Pusat IDEA UKM
	Meningkatkan kecemerlangan sarjana UKM dalam menerobos ufuk penyelidikan antarabangsa	Bilangan sarjana UKM yang mendapat pengiktirafan antarabangsa	14	18	25	28	30	Ketua Bitara : TNC (P&I) Peneraju : Pusat IDEA UKM

# KEBITARAAN: i-MINDA

## Prakarsa: Nilai dan Mutu

4

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berperanan membangunkan nilai warganya dan meningkatkan mutu dalam penyampaian perkhidmatan melalui pengurusan sistematik	Memantapkan proses kerja baharu melalui semakan semula prosedur kerja	Bilangan prosedur kerja yang dimantapkan	26	26	26	26	25	Ketua Bitara: TNC (P&I)  Peneraju: Kualiti-UKM
	Mewujudkan Pelan Strategik Komunikasi Dalaman Proses Kerja	Bilangan aktiviti berkaitan pembangunan Pelan Strategik Komunikasi Dalaman Proses Kerja	21	8	4	4	4	Ketua Bitara: TNC (P&I)  Peneraju: Kualiti-UKM
	Meningkatkan kompetensi dengan pelaksanaan proses <i>upskilling</i> dan <i>reskilling</i> sumber manusia secara berterusan	Bilangan aktiviti/program yang berkaitan dengan proses <i>upskilling</i> dan <i>reskilling</i> sumber manusia	8	10	12	14	16	Ketua Bitara: TNC (P&I)  Peneraju: Profesional-UKM
	Memastikan penempatan dan kesepadan kerja mencapai produktiviti yang optimum	Bilangan proses penempatan dan kesepadan kerja yang dilaksanakan	1	2	3	4	5	Ketua Bitara: TNC (P&I)  Peneraju: Jabatan Pendaftar (BSM)
	Melaksana Sistem Pengurusan Kualiti Pengurusan Pengajian dan Perkhidmatan	Bilangan aktiviti berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Pengurusan Pengajian dan Perkhidmatan	15	10	10	6	6	Ketua Bitara: TNC (P&I)  Peneraju: Kualiti-UKM

# KEBITARAAN: i-MINDA

## Prakarsa: Translasi

5

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berhasrat menterjemahkan hasil penyelidikan melalui penghasilan kertas polisi, pemindahan ilmu pengetahuan dan teknologi serta peningkatan geran translasi	Menghasilkan kertas polisi	Bilangan penghasilan kertas polisi	31	36	36	36	36	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: Pusat IDEA UKM
	Meningkatkan khidmat perundingan penyelidikan	Bilangan khidmat perundingan penyelidikan	50	55	60	66	72	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: UKM Pakarunding
	Meningkatkan jumlah (RM) geran industri	Jumlah (RM) geran industri	5,762,791	5,781,000	7,320,000	8,534,000	9,838,000	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: CRIM
	Meningkatkan jumlah (RM) geran antarabangsa	Jumlah (RM Juta) geran antarabangsa	6	7	8.5	10	13	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: CRIM
	Meningkatkan bilangan geran translasi	Bilangan geran translasi	10	11	12	13	15	Ketua Bitara: TNC (P&I) Peneraju: Pusat IDEA UKM

**PELAN  
STRATEGIK  
T.E.R.A.S**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**

# Holistik



## KEBITARAAN: HOLISTIK

Kebitaraan Holistik UKM menekankan lima (5) prakarsa penting iaitu keusahawanan, kreativiti, kepimpinan, kerjaya dan nilai murni.

### 1. Keusahawanan

### 2. Kreativiti

### 3. Kepemimpinan

### 4. Kerjaya

### 5. Nilai Murni

# KEBITARAAN: HOLISTIK

## Prakarsa: Keusahawanan

1

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKA N
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM membawa agenda keusahawanan dalam melahirkan graduan yang mempunyai daya kebolehpasaran tinggi dan menepati keperluan industri	Membangunkan Dasar Keusahawanan dan Garis Panduan Keusahawanan Pelajar UKM bagi menyemarakkan ekosistem keusahawanan	Bilangan deraf Dasar Keusahawanan dan Garis Panduan Keusahawanan Pelajar UKM	NA	NA	1	2	NA	Ketua Bitara: TNC (JIAM) Peneraju: UKM-CESMED
	Meperkasakan jaringan keusahawanan	Bilangan jaringan keusahawanan melalui MoA/MoU/Lol	3	6	9	12	15	Ketua Bitara: TNC (JIAM) Peneraju: UKM-CESMED
	Meningkatkan jumlah pelajar yang menjalankan perniagaan dalam bidang konvensional atau yang berteraskan inovasi dan teknologi	Bilangan pelajar yang menjalani perniagaan berdaftar dengan CESMED	2550	2850	3150	3450	3750	Ketua Bitara: TNC (JIAM) Peneraju: UKM-CESMED
	Memantapkan kurikulum keusahawanan di UKM	Bilangan kursus yang dimantapkan (elemen EIE)	30	40	50	60	70	Ketua Bitara: TNC (JIAM) Peneraju: UKM-CESMED

# KEBITARAAN: HOLISTIK

## Prakarsa: Kreativiti

2

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berhasrat menumpukan aspek kreativiti melalui pengukuran Pembelajaran Boleh-Lentur (FLP) seperti Kurikulum Tersedia Masa Depan (FRC) dengan pedagogi berbentuk futuristik, pembelajaran bersifat holistik dan teknologi terkehadapan	Melaksana mod pengajaran secara pembelajaran teradun ( <i>blended learning</i> ) dengan teknologi terkehadapan	Peratusan kursus keseluruhan universiti yang dijalankan dalam mod pembelajaran teradun ( <i>blended learning</i> )	70	75	80	85	90	Ketua Bitara: TNC (JIAM) Peneraju: Pengajaran UKM
	Mengintegrasikan aspek kreativiti dan inovasi berteraskan elemen dalam Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan	Bilangan kursus yang mengintegrasikan aspek kreativiti dan inovasi berteraskan elemen dalam Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan	70	75	80	85	90	Ketua Bitara: TNC (JIAM) Peneraju: Pengajaran UKM
	Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan pedagogi digital dan futuristik dalam ruang pembelajaran fizikal atau digital	Bilangan kursus yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan pedagogi digital dan futuristik dalam ruang pembelajaran fizikal atau digital	70	75	80	85	90	Ketua Bitara: TNC (JIAM) Peneraju: Pengajaran UKM

## KEBITARAAN: HOLISTIK

### Prakarsa: Kepemimpinan

3

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berhasrat membangunkan kepimpinan berkesan yang mampu mempengaruhi dan menggerakkan individu serta organisasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan	Melaksanakan program/aktiviti kepimpinan pelajar yang berimpak	Bilangan program/ aktiviti yang dilaksanakan	6	8	10	12	14	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: HEP-UKM
	Memperkasa semula kursus-kursus kompetensi generik dan fungsian staf Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Pelaksana dengan memberi penekanan kepada elemen kepimpinan	Bilangan kursus kompetensi generik dan fungsian yang telah dimantapkan elemen kepimpinan	5	7	9	11	13	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: Profesional-UKM

## KEBITARAAN: HOLISTIK

### Prakarsa: Kerjaya

4

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM memberi tumpuan untuk meningkatkan kesediaan kerjaya pelajar supaya mereka berupaya menerima cabaran masa hadapan	Melaksanakan pendekatan meningkatkan kemahiran ( <i>upskilling</i> )/memperbaharui kemahiran ( <i>reskilling</i> )/ kemahiran silang ( <i>cross-skilling</i> )	Bilangan program/aktiviti yang menekankan aspek-aspek <i>upskilling</i> / <i>reskilling</i> / <i>cross-skilling</i>	20	25	30	35	40	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: UKM-Karier  Fakulti
	Menambah sijil profesional yang akan meningkatkan nilai tambah pelajar	Bilangan sijil profesional dan sijil kompetensi yang ditawarkan	2	4	6	8	10	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: UKM-Karier  Fakulti  Kolej Akademia
	Membantu pelajar mendapatkan pekerjaan di tempat menjalani latihan industri	Peratusan pelajar yang mendapat pekerjaan di tempat menjalani latihan industri	8	9	10	10	10	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: PHI  UKM-Karier  Fakulti
	Memperkasakan program/aktiviti CEO@Fakulti /Profesor Adjung-Industri	Bilangan program/aktiviti CEO@Fakulti /Profesor Adjung-Industri	38	40	40	40	40	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: PHI  Fakulti  Institut
	Menggiatkan penganjuran hari kerjaya	Bilangan penganjuran hari kerjaya	3	6	8	10	12	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: UKM-Karier  Fakulti

## KEBITARAAN: HOLISTIK

### Prakarsa: Nilai Murni

5

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menekankan nilai murni sebagai suatu aset penting yang akan memberikan kekuatan kerohanian kepada individu untuk bergerak dan berfungsi dengan lebih berwibawa	Memperkasa akhlak dan nilai murni warga UKM dalam melaksanakan tugas dengan amanah, jujur, integriti, efektif, efisyen, tangkas dan cekap	Bilangan program/aktiviti yang memperkasakan akhlak-nilai murni kepada staf UKM	45	50	55	60	65	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: Unit Integriti dan Ombudsman  Pusat Islam
		Bilangan program/aktiviti yang memperkasakan akhlak-nilai murni kepada pelajar UKM	30	40	50	60	70	Ketua Bitara: TNC (JIAM)  Peneraju: HEP-UKM  Pusat Islam  Kolej Akademia

**PELAN  
STRATEGIK  
T.E.R.A.S**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**

# Digital



## KEBITARAAN: DIGITAL

Kebitaraan Digital UKM memfokuskan lima (5) prakarsa penting iaitu infra dan info, pedagogi dan ekologi pembelajaran, pembudayaan, kelestarian dan governans.

### 1. Infra dan Info

### 2. Pedagogi & Ekologi Pembelajaran

### 3. Pembudayaan

### 4. Kelestarian

### 5. Governans

# KEBITARAAN: DIGITAL

## Prakarsa: Infra dan Info

1

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berhasrat meningkatkan rangkaian jalur lebar berkapsiti tinggi secara konsisten melalui penyediaan infrastruktur dan infostruktur digital yang berkemampuan meningkatkan kualiti produktiviti warga UKM	Melengkapkan UKM dengan sambungan rangkaian jalur lebar berkapsiti tinggi secara konsisten dan berterusan.	Peratus pemantapan infrastruktur dan keselamatan teknologi maklumat	95	95	95	98	100	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: PTM
		Peratus pemerkasaan perkhidmatan ICT universiti	90	90	95	95	100	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: PTM
		Peratus peningkatan manfaat kepintaran data universiti	95	95	95	95	100	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: PTM
		Peratus penerapan tadbir urus tuntas dan tangkas	95	95	95	95	98	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: PTM
		Peratus keberhasilan penjenamaan semula Sistem Maklumat Universiti	90	93	93	95	95	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: PTM

## KEBITARAAN: DIGITAL

### Prakarsa: Pedagogi & Ekologi Pembelajaran

2

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM ke arah memantapkan pendidikan fleksibel dan sepanjang hayat melalui Program Pembelajaran Terbuka ( <i>Open Distance Learning</i> ), <i>Micro-credentials</i> dan <i>Massive Open Online Courses</i>	Memperbanyakkan Program Pembelajaran Terbuka Jarak Jauh ( <i>Open Distance Learning</i> )	Bilangan Program Pembelajaran Terbuka Jarak Jauh ( <i>Open Distance Learning</i> )	5	8	10	12	15	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: UKMSHAPE Fakulti
	Mempertingkatkan tawaran program berbentuk <i>micro-credential</i>	Bilangan program berbentuk <i>micro-credential</i>	5	16	20	24	30	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: UKMSHAPE Fakulti
	Menambah kursus <i>Massive Open Online Courses (MOOC)</i>	Bilangan kursus <i>Massive Open Online Courses (MOOC)</i>	30	35	40	45	50	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: Pengajaran UKM Fakulti
	Meningkatkan bilangan pelajar yang masuk ke UKM melalui APEL	Bilangan pelajar yang masuk ke UKM melalui APEL	18	200	300	400	500	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: Pusat Pengurusan APEL UKM
	Memperkasakan proses pembudayaan STEM berdasarkan penyelidikan berimpak tinggi serta menjadi pusat penyelidikan bagi melahirkan sarjana dalam pendidikan berkaitan STEM	Bilangan dana penyelidikan pendidikan berkaitan STEM yang diperolehi	3	5	10	12	15	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: Pusat IDEA UKM
		Bilangan pelajar yang mengikuti bidang Sarjana dan Doktor falsafah berkaitan pendidikan STEM	50	75	100	125	150	Ketua Bitara: TNC (A&A) Peneraju: AKADEMIK UKM

## KEBITARAAN: DIGITAL Prakarsa: Pembudayaan

3

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM menggiatkan pelbagai latihan aplikasi perisian bagi tujuan pendidikan dan pengurusan serta membudayakan warga UKM dengan aspek pendigitalan terkini	Memperbanyak aktiviti/program kerjasama dengan pihak luar bagi membudayakan aspek digital di UKM	Bilangan aktiviti/program kerjasama dengan pihak luar bagi membudayakan aspek digital di UKM	7	12	17	22	27	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Profesional-UKM  PTM
	Menambahbaik kurikulum sedia ada agar selari dengan kurikulum tersedia masa hadapan	Peratus penerapan elemen kurikulum tersedia masa hadapan dalam program	60	62	65	70	75	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Pengajaran UKM  Fakulti

## KEBITARAAN: DIGITAL Prakarsa: Kelestarian

4

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM mendukung kelestarian digital inklusif untuk memacu sumber manusia yang berfikiran aras tinggi, berkebolehan, berkreativiti dan inovatif	Meningkatkan jumlah penyertaan staf Pelaksana dan Pengurusan & Profesional (P&P) dalam kursus/latihan ICT.	Peratusan staf Pelaksana dan Pengurusan & Profesional (P&P) dalam kursus/latihan ICT.	10	20	30	40	50	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Profesional-UKM
	Meningkatkan jumlah penyertaan staf akademik UKM dalam kursus/latihan ICT yang berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP)	Peratusan penyertaan staf akademik UKM dalam kursus/latihan ICT yang berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP)	20	30	40	50	60	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Profesional-UKM  Pengajaran UKM

# KEBITARAAN: DIGITAL

## Prakarsa: Governans

5

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berhasrat melaksanakan kemampunan polisi, tadbir urus dan pemantauan perkhidmatan	Menambahbaik kaedah pemarkahan dalam Sistem Penilaian Prestasi Universiti (SPPUv7.0)	Bilangan kriteria yang dinilai semula dalam SPPU	2	2	3	3	3	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Jabatan Pendaftar (BSM)
	Melaksanakan GiG Akademik (kaedah perlantikan fleksibel berdasarkan nilai KPI yang ditetapkan dan ia lebih cepat dan mengurangkan birokrasi)	Bilangan staf yang dilantik berdasarkan kaedah GiG Akademik	2	10	20	25	30	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Jabatan Pendaftar (BSM)
	Melaksanakan sistem <i>one-line budget</i> untuk tujuan penjimatan dan penjanaan di setiap PTJ	Peratusan PTJ yang menggunakan sistem <i>one-line budget</i>	16%	33%	49%	75%	100%	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Jabatan Bendahari
	Menambahbaik proses kenaikan pangkat	Bilangan proses kenaikan pangkat yang ditambahbaik	0	4	5	5	6	Ketua Bitara: TNC (A&A)  Peneraju: Jabatan Pendaftar (BSM)

**PELAN  
STRATEGIK  
T.E.R.A.S**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**

# Prihatin



## KEBITARAAN: PRIHATIN

Kebitaraan Prihatin UKM menekankan lima (5) prakarsa penting iaitu sihat, perpaduan, kebajikan, kemasyarakatan dan mesra OKU.

**1. S.I.H.A.T**

**2. Perpaduan**

**3. Kebajikan**

**4. Kemasyarakatan**

**5. Mesra OKU**

# KEBITARAAN: PRIHATIN

## Prakarsa: S.I.H.A.T

1

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM akan memberi perhatian terhadap S.I.H.A.T. ( <i>Sustainable Inclusive Healthcare that is Affordable and Trustworthy</i> ) dalam usaha Mempertingkatkan tahap kesihatan Warga dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.	Memperkenalkan dan menggalakkan program promosi dan saringan kesihatan kepada Warga UKM	Bilangan program yang memberi kesedaran dan peningkatan kesihatan fizikal dan mental kepada Warga UKM	10	10	25	30	35	Ketua Bitara: Pro NC KKL  Peneraju: Semua PTJ
	Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pesakit	Bilangan prakarsa berbentuk kualiti yang diiktiraf untuk peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pesakit.	1	2	2	2	2	Ketua Bitara: Pro NC KKL  Peneraju: HCTM  HPKK  PKU

## KEBITARAAN: PRIHATIN Prakarsa: Perpaduan

.....

2

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM memperkasa hubungan etnik untuk tujuan perpaduan dan keharmonian	Memperkasa aktiviti/program kesukarelawanan dan kerja sosial yang melibatkan pelbagai etnik	Bilangan aktiviti/program kesukarelawanan dan kerja sosial yang melibatkan pelbagai etnik	2	6	8	10	12	Ketua Bitara: Pro NC KKL  Peneraju: HEP-UKM  Kolej Akademia

# KEBITARAAN: PRIHATIN

## Prakarsa: Kebajikan

3

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM sentiasa melaksanakan usaha yang efektif untuk kebajikan warganya	Memperkasa aktiviti/program yang bersifat kesejahteraan fizikal/kerohanian/mental pelajar	Bilangan aktiviti/program yang bersifat kesejahteraan fizikal/kerohanian/mental pelajar	20	25	30	35	40	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: HEP-UKM PKU Pusat Islam Fakulti Kolej Akademia
	Menjaga kebajikan staf UKM (Kebajikan)	Bilangan aktiviti/program yang berbentuk kebajikan/penambahbaikan kemudahan kepada staf UKM	2	2	2	2	2	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: Jabatan Pendaftar
	Melibatkan alumni dalam Mesyuarat Pengurusan / Mesyuarat Fakulti / Mesyuarat Khas bagi membincangkan pelbagai aspek seperti filantrofi, penjanaan dan kebolehpasaran graduan	Bilangan aktiviti yang melibatkan keterlibatan alumni daripada luar UKM	10	15	25	30	35	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: Alumni-UKM Fakulti

## KEBITARAAN: PRIHATIN

### Prakarsa: Kemasyarakatan

4

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM berperanan menjana, menyebar dan menerapkan ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasa kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakat	Memperkasa aktiviti/program keterlibatan masyarakat-universiti	Bilangan aktiviti/program keterlibatan masyarakat-universiti	50	60	70	70	75	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: UCTC Fakulti Kolej Akademia
	Melaksanakan pendekatan konsep lingkaran empat pihak ( <i>Quadruple Helix</i> ) melalui kolaborasi universiti-agensi-industri-komuniti untuk memperkasakan kesejahteraan masyarakat	Bilangan aktiviti / program yang menggunakan pendekatan konsep lingkaran empat pihak ( <i>Quadruple Helix</i> )	1	2	3	4	5	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: UCTC Fakulti Institut Pusat

# KEBITARAAN: PRIHATIN

## Prakarsa: Mesra OKU

5

PRAKARSA	PERANCANGAN PRAKARSA	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM memperkasa potensi diri dan bakat warga Orang Kurang Upaya (OKU) ke arah kecemerlangan kerjaya serta menyediakan infrastruktur kondusif dan perkhidmatan mesra OKU	Mencungkil, memantapkan dan mengembangkan potensi diri dan bakat warga OKU ke arah kecemerlangan kerjaya	Bilangan aktiviti/program yang mencungkil/ memantapkan/ mengembangkan potensi diri dan bakat warga OKU ke arah kecemerlangan dan kerjaya (involvement)	1	2	2	2	2	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: Jabatan Pendaftar (BSM) Profesional-UKM
	Meningkatkan jumlah kakitangan OKU selaras dengan dasar OKU dalam perkhidmatan UKM	Bilangan peningkatan lantikan kakitangan OKU	1	2	2	2	2	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: Jabatan Pendaftar (BSM)
	Menyediakan infrastruktur yang mesra OKU	Bilangan infrastruktur yang mesra OKU	5	7	10	13	15	Ketua Bitara: Pro NC KKL Peneraju: JPP

PELAN  
STRATEGIK  
**T.E.R.A.S**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**

# Agenda Utama UKM



## AGENDA UTAMA UKM

**Kebolehpasaran Graduan dan Penjanaan Pendapatan** adalah dua (2) agenda utama UKM. Kebolehpasaran graduan sangat penting dan mencabar bagi semua universiti di Malaysia dan juga di luar negara ketika keadaan pandemik dan ekonomi global yang tidak menentu. Penjanaan pendapatan membolehkan kelestarian sesebuah universiti tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak tertentu. Justeru, lima (5) Kebitaraan dan 25 Prakarsa yang terdapat di dalam Pelan Strategik akan memfokuskan kepada dua (2) agenda utama yang perlu dicapai oleh warga UKM untuk mengekalkan kecemerlangannya.

**Kebolehpasaran  
Graduan**

**Penjanaan  
Pendapatan**

# AGENDA UTAMA UKM

## Kebolehpasaran Graduan

1

AGENDA KEBOLEHPASARAN GRADUAN	PERANCANGAN	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM melahirkan graduan yang berupaya mengisi peluang pekerjaan baharu yang selari dengan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi	Meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan UKM	Peratusan graduan yang mendapat pekerjaan	87	88	89	90	90	Ketua Bitara: TNC JIAM  Peneraju: UKM Karier  Fakulti

## AGENDA UTAMA UKM

### Penjanaan Pendapatan

2

AGENDA PENJANAAN PENDAPATAN	PERANCANGAN	INDEKS PRESTASI UTAMA	SASARAN					TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
UKM memfokuskan agenda penjanaan yang lestari	Meningkatkan pelaburan yang menguntungkan	Jumlah keuntungan pelaburan (RM Juta)	11j	15j	18j	20j	22j	Ketua Bitara : Pro NC (Jana) Peneraju: Jabatan Bendahari
	Meningkatkan penjanaan melalui program pendidikan, geran penyelidikan, UKM Holdings, perniagaan universiti, rundingan, penyewaan aset, endowmen dan wakaf	Jumlah (RM) penjanaan	360,500,000	427,200,000	463,940,000	505,714,000	556,285,400	Ketua Bitara : Pro NC (Jana) Peneraju: Jabatan Bendahari  YC CRIM
	Pengambilan PhD (Tempatan + Antarabangsa)	1,465	1,582	1,719	1,868	2,054	TNC AA	
	Pengambilan Pelajar UKM SHAPE	5,000	7,500	10,000	11,000	12,000	UKMSHAPE	
	Jumlah (RM) sumbangan daripada alumni kepada UKM	1,100,000	1,150,000	1,200,000	1,250,000	1,300,000	Alumni UKM	
	Meningkatkan jumlah penjimatan	Jumlah (RM) penjimatan	30,000,000 (2019 vs 2021)	20,000,000 (2019 vs 2022)	15,000,000 (2019 vs 2023)	15,000,000 (2019 vs 2024)	15,000,000 (2019 vs 2025)	Ketua Bitara : Pro NC (Jana) Peneraju: Jabatan Bendahari  Fakulti Institut Pusat

PELAN  
STRATEGIK  
**T.E.R.A.S**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**

# Bibliografi, Penghargaan & Singkatan

# Bibliografi

- Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2021. 2021. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).2020.Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Fokus 6 Strategik KPT. 2021. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- New Deals KPT. 2021. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi – Career Advancement Programme atau KPT-CAP pada tahun 2020. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- Pelan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi (SEJAHTERA IPT). 2021. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). PPPM (PT). 2014. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan IPT 2021-2025. 2021. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- Pelan Strategik UKM 2000-2020. 2010. Bangi: PENERBIT UKM
- Pelan Strategik UKM 2019–2021. 2019. Bangi: Pusat Strategi UKM
- Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025. 2021. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi

# Penghargaan

- Naib Canselor UKM
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
- Pro-Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
- Pro-Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
- Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
- Pendaftar UKM
- Bendahari UKM
- Dekan/Pengarah, Fakulti/Institut/Pusat
- Seluruh Warga UKM

# Singkatan

UKM - Universiti Kebangsaan Malaysia

ALUMNI-UKM - Pusat Perhubungan Alumni

APEL - Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu / *Accreditation of Prior Experiential Learning*

ATMA - Institut Alam dan Tamadun Melayu

BSM - Bahagian Sumber Manusia

CRIM - Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

CITRA UKM - Pusat Pengajian Citra Universiti

HEP - Hal Ehwal Pelajar

HCTM - Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM

HPKK - Hospital Pakar Kanak-kanak

INOVASI@UKM - Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi

KKL - Kampus Kuala Lumpur

Kualiti-UKM - Pusat Jaminan Kualiti

Pengajaran UKM - Pusat Pengajaran dan Teknologi Pembelajaran

PKK - Pusat Komunikasi Korporat

PKU - Pusat Kesihatan Universiti

PHI - Pejabat Hubungan Industri

Profesional-UKM - Pusat Pembangunan Profesional & Kepimpinan

Pro NC - Pro-Naib Canselor

Pro NC (Jana) – Pro-Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)

Pro NC KKL – Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)

PTM - Pusat Teknologi Maklumat

Pusat Kebudayaan - Pusat Kebudayaan Universiti

TNC (A&A) - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

TNC (HEP) - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

TNC (JIAM) - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)

TNC (P&I) - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

ROSH-UKM - Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Strategi-UKM - Pusat Strategi UKM

UCTC UKM - Pusat Transformasi Komuniti Universiti

UKM-CESMED - UKM Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS

UKM-Karier - Pusat Pembangunan Karier UKM

UKM SHAPE - Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional

YC - Yayasan Canselor





# **PELAN STRATEGIK T.E.R.A.S**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**2021-2025**